

# Perkukuh struktur buluh

**M**ENURUT Prof Dr. Khairul Aidil Azlin Abd Rahman kekukuhan buluh atau jangka hayatnya boleh dipertingkatkan sekiranya ia berada dalam keadaan kering.

“Pastikan kandungan air dalam buluh kurang 10 peratus supaya kukuh atau lagi kering lagi bagus,” ujarnya.

Ini kerana ia menyerap menyerap air dan boleh menyebabkan strukturnya merekah. Perlu juga diketahui terdapat banyak glukos dalam buluh yang menyebabkan kehadiran bubuk atau serangga yang makan gula didalamnya.

“Justeru bagi menghindar daripada masalah tersebut buluh perlu diawetkan iaitu dengan merendamnya dalam asid borik antara tiga hingga lima jam atau merebusnya dalam asid borik bagi menghilangkan gula,” ujarnya.

Satu lagi caranya untuk mengukuhkan ketahanan buluh ada dengan menyalutkannya menggunakan varnis atau



lilin supaya lebih cantik dan berkilat.

Walau bagaimanapun permukaan buluh yang terlalu berkilat secara artifisial tidak mencantikkan nya secara semula jadi.

Hasilnya buluh sebenarnya boleh diinovasikan kepada pelbagai bentuk produk meskipun ada pepatah mengatakan melentur buluh biarlah daripada rebungunya tetapi teknologi hari ini membolehkan segalanya dihasilkan daripada buluh.

Hari ini industri buluh berdepan dengan pelbagai cabarannya antaranya tidak ada ladang yang menyokong perkembangan teknologi berkenaan.

Dengan kesedaran bahawa penanaman buluh ini adalah satu alternatif, ia boleh mengundang keterujaan supaya ramai memanfaatkan tanah terbiar untuk tujuan penanaman.

Ini kerana produk berasaskan buluh boleh diketengahkan dalam menyokong Revolusi Industri 4.0 (IR 4) termasuklah peralatan dan gajet berteknologi tinggi

Seperti kata seorang lagi inovator tempatan, dari UPM, **Prof. Madya Dr. Nazlina Shaari** berkata, buluh sangat berpotensi untuk diketegahkan dalam konteks produk bernilai tinggi.

“Banyak produk seperti kraf tangan yang menjadi hiasan di hotel atau pusat pelancongan selain material dalam bentuk pakaian, ujarnya.



**AR. MOHD. AZLI MOHAMAD JAMIL** menunjukkan inovasi meja daripada buluh.